**Rujukan: UKM.JCN.100-1/3/1**
**Tarikh: 13 Disember 2023**

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 42/2023**

**Semua Dekan/Pengarah**
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan

**PELEPASAN KULIAH, AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DAN SEBARANG BENTUK PENILAIAN PADA 26 DISEMBER 2023 (SELASA)**
**– SEMPENA PERAYAAN HARI KRISMAS PADA 25 DISEMBER 2023**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, bagi meraikan kepelbagaian latar belakang pelajar, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju untuk memberikan pelepasan kepada semua pelajar penganut agama Kristian pada **26 Disember 2023 (Selasa)** sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Krismas bagi membolehkan para pelajar meraikan perayaan tersebut seperti berikut:

i. Memberi pelepasan kuliah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran; dan
ii. Menangguhkan sebarang bentuk penilaian.

3. Bagi pelajar yang menghadapi kesukaran mendapatkan tiket pulang ke kampus selepas bercuti untuk menghadiri kuliah, disarankan dapat berbincang dengan pensyarah kursus masing-masing bagi menentukan kaedah lain yang bersesuaian.

4. Pihak universiti mengingatkan pelajar agar sentiasa berhati-hati ketika pulang ke kampung halaman dan semoga semuanya selamat sampai ke destinasi yang dituju dan pulang kembali ke kampus kelak.

Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**'Selamat Menyambut Hari Krismas'**

Sekian.

Yang benar,

M.B. Kassim

**PROF. DR. MOHAMMAD BIN KASSIM**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

s.k.:
- Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Enwall Jaringan Industri, dan Masyarakat), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
- Pendaftar, UKM
- Penasihat Undang-Undang, UKM
- Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UKM
- Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, UKM
- Yang Dipertua, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)